

# Orientasi Nilai Kehidupan Di Kalangan Pekerja Sektor Awam

Mumtazah Othman

Nurizan Yahaya

Tengku Aizan Tengku Abd. Hamid

---

## ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti orientasi nilai kehidupan di kalangan pekerja sektor awam di Semenanjung Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 1402 pekerja sektor awam berumur 40 tahun ke atas yang bertugas di tujuh kementerian. Hasil kajian menunjukkan kebanyakannya responden merasa sangat seronok bekerja dan merasakan kerja mereka sangat penting serta bernilai kepada orang lain. Majoriti responden mempunyai orientasi nilai kehidupan yang baik. Nilai utama yang diamalkan adalah nilai mengutamakan pendapat orang lain (86%), kerohanian (76%), nilai berkorban untuk kepentingan masyarakat (75%), dan berkorban kesenangan hidup masa kini untuk kehidupan masa hadapan (74%). Nilai material dan kepentingan diri tidak begitu diutamakan. Kecenderungan responden kepada penghayatan nilai yang baik dalam kehidupan boleh membantu meningkatkan kualiti kerja dan menyumbang kepada kesejahteraan hidup individu dan masyarakat amnya.

## PENGENALAN

Kehidupan memberi pelbagai makna dan pengertian kepada seseorang. Menurut Baumeister (1991) seseorang itu mengalami kehidupan yang bermakna jika ia memenuhi empat keperluan iaitu: mempunyai hala atau tujuan hidup, dapat mengawal kehidupan, mempunyai nilai-nilai yang menentukan tindakan, dan mempunyai asas yang kuat terhadap kendiri yang positif. Battista dan Almond (1993) pula menyatakan semakin kuat pegangan seseorang kepada sesuatu nilai, semakin tinggi makna kehidupan kepadanya. Kenyataan ini disokong oleh Debats (1999) yang menekankan bahawa kehidupan yang bermakna adalah berteraskan komitmen seseorang terhadap orientasi nilai yang dipegangnya. Penjelasan ini menunjukkan bahawa orientasi nilai individu memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka.

Menurut pandangan Islam (Mohd Kamal, 1983), keseimbangan dan kesepadan antara keperluan fizikal dan nilai moral serta kerohanian bukan saja perlu wujud dalam diri seseorang, tetapi juga dalam masyarakat dan tamadun. Hak dan kewajipan tertentu individu mendapat tempat istimewa tetapi tuntutan kesejahteraan masyarakat boleh mengatasi kepentingan individu. Menurut perspektif ini, tuntutan rohani dan jasmani menghasilkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang dipanggil Al-Falah. Walaupun nilai Al-Falah lebih menekankan perlakuan moral dan rohani tetapi tidak bererti keperluan material tidak dipentingkan. Perspektif ini juga tidak menjadikan keperluan material sebagai tujuan terakhir bagi perlakuan peribadi atau kolektif. Ia berpendapat kualiti kehidupan tidak hanya merujuk kepada pendapatan per kapita, kemudahan pengangkutan, kesihatan dan faktor alam sekitar tetapi juga mengambil kira nilai moral dan sosial.

Di Malaysia, dasar penerapan nilai-nilai murni dalam pentadbiran negara adalah sebahagian daripada pelbagai usaha kerajaan untuk memasukkan unsur-unsur etika kerja yang baik dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat. Penekanan kepada orientasi nilai kehidupan yang jelas merupakan unsur penting dalam usaha untuk membentuk identiti warga Malaysia. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai orientasi nilai kehidupan yang mantap mungkin akan menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha untuk mengembangkan nilai-nilai mereka ke atas bangsa tersebut. Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan rakyat. Tanpa penerimaan nilai-nilai hidup yang mulia dan dikongsi bersama, tidak mungkin identiti yang membanggakan dapat dicapai oleh sesuatu bangsa.

Kejayaan pentadbiran negara, sebahagian besarnya bergantung kepada sumbangan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam. Justeru, penerapan budaya kerja yang berorientasikan nilai-nilai murni perlu diberi penekanan oleh semua pekerja. Amalan hidup yang berteraskan orientasi nilai yang murni oleh semua lapisan masyarakat dalam semua aspek kehidupan akan menjamin kejayaan negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Di antara nilai-nilai murni yang ditekankan dalam Wawasan 2020 adalah amanah, tanggungjawab, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, berpandangan jauh, sederhana, bekerjasama, budi mulia dan nilai kerohanian yang lain. Penghayatan terhadap nilai-nilai murni oleh semua anggota masyarakat dapat membantu memudahkan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Persoalannya, bagaimanakah keadaan orientasi nilai kehidupan para pekerja sektor awam? Sejauh manakah orientasi kehidupan mereka itu bersesuaian dengan nilai-nilai murni yang dijadikan asas dalam pentadbiran awam? Apakah ada perbezaan orientasi nilai kehidupan di kalangan pekerja sektor awam ini berasaskan kaum, jantina, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan mereka. Bagaimanakah pula persepsi pekerja sektor awam terhadap pekerjaan mereka.

Berdasarkan beberapa persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini maka objektif khusus kajian ini ialah, pertama untuk mengenal pasti orientasi nilai kehidupan di kalangan pekerja sektor awam; kedua untuk meneliti sama ada terdapat ataupun tidak perbezaan pegangan orientasi nilai di kalangan pekerja sektor awam berdasarkan kaum, jantina, tahap pendidikan dan kategori pendidikan; dan ketiga, meneliti persepsi mereka terhadap pekerjaan. Kajian terhadap orientasi nilai dapat memberi gambaran tentang arah dan orientasi kehidupan individu masa kini dan masa hadapan. Ini dapat membantu individu untuk bersikap lebih positif dalam menghadapi masa hadapan. Keadaan ini juga boleh menjadikan mereka lebih berjaya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang bakal berlaku pada masa hadapan. Menurut Feather (1975) Lau (1988) dan Rokeach (1968, 1973), kajian ke atas nilai manusia adalah penting bukan hanya untuk memahami budaya hidup dan proses sosialisasi, malah juga dapat memahami aspek psikologi dan orientasi kehidupan seseorang.

## **SOROTAN HASIL KAJIAN**

Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) mendefinisikan orientasi nilai sebagai suatu pola prinsip kehidupan yang kompleks dan khusus yang memberi arah dan hala tuju kepada segala tingkah laku dan pemikiran individu yang berkait dengan penyelesaian masalah yang biasa dihadapi oleh manusia. Menurut Deacon dan Firebaugh (1988), orientasi nilai atau sistem nilai merupakan satu struktur bersepadan yang merangkumi aspek-aspek seperti keperluan, sikap dan minat serta model tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Orientasi nilai ini boleh mempengaruhi tingkah laku individu dalam semua aspek kehidupan. Ini jelas menunjukkan orientasi nilai yang positif amat penting dan bermakna dalam kehidupan seseorang. Ia merupakan sesuatu yang murni dan dapat memberi kepuasan yang tinggi jika dapat dipenuhi.

Nilai-nilai kehidupan individu dibentuk atau diperoleh secara berterusan sejak dari kecil lagi melalui proses sosialisasinya dengan anggota keluarga. Penerapan dan perubahan nilai yang dipegang juga berlaku hasil interaksi individu dengan pengalaman yang diperolehnya dalam pelbagai situasi. Ini berlaku hasil daripada kesedaran akan kebenaran sesuatu situasi, kelakuan dan tindakan setelah dipertimbangkan atas dasar moral atau nilai-nilai utama masyarakat (Zainal, 2004). Justeru, boleh dikatakan bahawa pembentukan nilai adalah berbeza antara individu dan boleh berubah bergantung kepada interaksinya dengan persekitaran khususnya masyarakat sekeliling.

Menurut Spranger (1966) terdapat enam jenis nilai personal yang dipegang oleh individu iaitu, (1). Nilai teori yang merupakan landasan kepada tindakan individu secara rasional dan logik, (2). Nilai sosial yang merupakan tindakan yang mengambil-kira kesan dan kepentingan orang lain, (3). Nilai politik yang berkait rapat dengan prestij dan kuasa dan kebiasaannya tindakan dibuat berlandaskan lebih untuk kepentingan diri atau kelompok sendiri, (4). Nilai ekonomi yang merupakan tindakan yang berlandaskan kepada keuntungan atau kewangan,

- (5). Nilai keagamaan yang berkaitan dengan amalan yang baik atau murni dan  
(6). Nilai seni yang merupakan tindakan yang berlandaskan pengaruh keindahan dan keharmonian secara menyeluruh. Nilai-nilai tersebut telah menjadi pegangan hidup bagi kebanyakan individu dalam sesebuah masyarakat.

Pada asasnya manusia memegang lebih daripada satu nilai dan orientasi nilai kehidupan di antara individu dalam masyarakat boleh dianggap hampir sama. Apa yang berbeza adalah dari segi susunan keutamaan atau kepentingan yang diletakkan terhadap nilai-nilai tersebut, tafsiran yang dibuat (makna sebenar) dan tahap penekanan yang diberikan dalam kehidupan. Perbezaan dalam orientasi nilai akan membentuk kepelbagaian dalam cara gaya kehidupan individu dalam sesebuah masyarakat.

Kajian ke atas isi rumah di Fukuoka (Jepun), Seoul (Korea) dan Bangkok (Thailand) mendapat terdapat beberapa perbezaan dari segi orientasi nilai antara responden di ketiga-tiga lokasi. Responden di Fukuoka lebih berorientasi kepada nilai kemasyarakatan dan mengutamakan keharmonian kumpulan berbanding nilai personal. Pegangan nilai ini membantu ke arah peningkatan produktiviti ekonomi Jepun yang tinggi. Responden di Seoul pula didapati memegang bukan hanya nilai kemasyarakatan dan keharmonian kumpulan tetapi pada masa yang sama juga menekankan nilai kerohanian. Dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negara, mereka tidak mengetepikan nilai tradisi. Responden di Bangkok pula lebih berorientasikan nilai masa hadapan dan mengutamakan nilai material (Pongsapich, Shinizaki dan Bunjonjitt; 1993).

Kajian oleh Dio, Saragovi, Koestner dan Aube (1996) terhadap perbandingan orientasi nilai di antara gender mendapat, terdapat perbezaan antara wanita dan lelaki dari segi keutamaan yang diletakkan bagi beberapa nilai terpilih. Responden lelaki lebih mengutamakan nilai-nilai kehidupan seperti keceriaan hidup, penghargaan sosial, kestabilan hidup, kejayaan dan kebebasan; manakala wanita lebih mengutamakan nilai-nilai sahabat yang sejati, kasih sayang, keharmonian, kegembiraan, kecantikan, kestabilan keluarga. Schwartz dan Bilsky (1987) telah mengklasifikasikan nilai pegangan lelaki seperti kejayaan dan penghargaan sosial sebagai kepentingan individu dan nilai-nilai pegangan wanita sebagai kepentingan kelompok.

Menurut Van Lange dan Liebrand (1991), rumusan daripada beberapa kajian menjelaskan secara asasnya terdapat tiga jenis orientasi nilai sosial iaitu nilai kerja sama (untuk kepentingan diri sendiri dan orang lain); nilai individualistik (memaksimumkan kepentingan diri sendiri); dan persaingan (memaksimumkan kepentingan diri berbanding orang lain). Kajian oleh Komin (1990), telah mengenal pasti sembilan orientasi nilai yang dipegang oleh pekerja sektor awam dan swasta di negara Thai iaitu ego, hubungan baik, hubungan antara personal yang harmoni, kelonggaran, penyesuaian, keagamaan, pendidikan dan berkeupayaan, saling bergantungan, keseronokan dan kejayaan bekerja. Pekerja kelas rendah seperti petani lebih mengutamakan nilai bekerja keras.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan setiap kelompok masyarakat memberi keutamaan kepada nilai yang berbeza-beza. Kepentingan yang diletak ke atas sesuatu nilai boleh berubah selaras dengan tuntutan persekitaran dan dengan keperluan untuk mencapai matlamat semasa. Orientasi nilai kehidupan merupakan asas kepada segala tindakan atau tingkah laku individu dalam sesebuah masyarakat.

## METODOLOGI

Sampel kajian terdiri daripada 1,402 kakitangan sektor awam berumur 40 tahun ke atas daripada pelbagai kategori (A, B C dan D) yang bertugas di tujuh buah kementerian dalam perkhidmatan awam di Semenanjung Malaysia. Pilihan kementerian dilakukan secara rawak daripada senarai kementerian yang terdapat dalam Perkhidmatan Awam. Data dikutip berdasarkan rawak pelbagai tahap di mana Semenanjung dibahagikan kepada empat zon iaitu utara, tengah, selatan dan timur. Negeri yang terpilih mewakili zon tersebut ialah Kedah (utara), Perak (tengah), Johor (selatan) dan Kelantan (timur). Data kajian ini dikutip melalui temubual dengan kakitangan tersebut di tempat kerja mereka pada 1999. Data telah dianalisis menggunakan Program Statical Package for Social Science (SPSS). Ujian statistik *Chi-square* telah dilakukan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan pegangan orientasi nilai di kalangan pekerja sektor awam berdasarkan kaum, jantina, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan.

## KEPUTUSAN

Bahagian ini dimulakan dengan membincangkan ciri-ciri demografi responden. Ini diikuti dengan perbincangan mengenai orientasi nilai kehidupan dan analisis perbezaan orientasi nilai di kalangan pekerja sektor awam berdasarkan kaum, jantina, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan. Persepsi responden terhadap pekerjaan mereka dibincangkan di akhir bahagian ini.

### Latar Belakang Sosio-demografi

Maklumat latar belakang sosio-demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Seramai 1,402 kakitangan sektor awam terlibat dalam kajian ini. Mereka ini terdiri daripada 31.1% responden yang tinggal di desa dan 68.9% tinggal di bandar. Dari segi jantina, seramai 79.5% responden adalah lelaki dan 20.5% adalah wanita.

Jadual 1: Latar Belakang Sosio- ekonomi Responden

<b>Angkubah Latar Belakang</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>Gender</b>	
Lelaki	79.5
Perempuan	20.5
<b>Kategori Pekerjaan</b>	
A & B	20.7
C	44.5
D	34.8
<b>Etnik</b>	
Melayu	92.3
Cina	3.2
India	4.5
<b>Umur</b>	
40-49	80
50-55	20
<b>Taraf Perkahwinan</b>	
Berkahwin	97.1
Bujang	1.2
Balu/Duda	0.7
<b>Tahap Pendidikan</b>	
Sek. Rendah	13.9
Sek Menengah	68.2
Maktab/Politeknik	10.1
Universiti	7.8
<b>Pendapatan (RM)</b>	
<1000	33.8
1001-2000	45.6
2001-3000	13.4
3001-4000	4.6
> 4001	2.7

Seramai 20.7% responden menjawat jawatan dalam kategori A dan B, 44.5% dalam kategori C dan 34.8% dalam kategori D. Taburan ini menggambarkan agihan sebenar pekerja di sektor awam di mana nisbah pegawai sokongan lebih ramai daripada pegawai kategori A. Pekerja dalam kategori A dan B termasuklah Pegawai Pertanian, Pegawai Veterinar, Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Timbalan Pengarah Pendidikan dan Pegawai Pendaftaran dan lain-lain. Pekerja

dalam kategori C termasuklah Kerani, Pembantu Makmal, Pembantu Penyelia dan Juruwang dan lain-lain. Sementara itu, pekerja dalam kategori D adalah Pemandu, Tukang Kayu, Jurutaip, Tukang Kebun, Pembantu Am Rendah dan sebagainya.

Dari segi etnik, 92.3% responden adalah Melayu, 3.2% responden Cina dan 4.5% responden India. Kesemua responden Melayu beragama Islam, diikuti oleh responden lain di mana 3.4% beragama Hindu, 2.3% Buddha, 1.4% Kristian dan 0.4% lain-lain agama. Dari segi umur, seramai 80% berumur antara 40 hingga 49 tahun sementara 20% berumur antara 50 hingga 55 tahun. Dilihat dari segi taraf perkahwinan, majoriti kakitangan kerajaan ini sudah berkahwin (97.1%), diikuti dengan 1.2% tidak pernah berkahwin, dan masing-masing 0.7% balu/duda atau bercerai. Tahap pendidikan tertinggi yang dicapai oleh paling ramai responden (68.2%) adalah sekolah menengah, diikuti dengan sekolah rendah (13.9%), maktab/politeknik (10.1%) dan universiti (7.8%). Dari segi bilangan anak, lebih daripada 52.6% responden mempunyai anak antara 4 hingga 6 orang, diikuti dengan 3 orang atau kurang (35%) dan 7 orang atau lebih (12.4%). Purata bilangan anak adalah 4.3 orang.

Pendapatan isi rumah dikira dengan mengambil kira kesemua sumber pendapatan yang diterima oleh responden. Sumber ini termasuklah pendapatan bulanan, sewa rumah atau tanah, upah dari kerja sampingan, keuntungan atau faedah, sumbangan ahli keluarga lain dan sumber-sumber lain. Paling ramai responden (45.6%) menerima pendapatan bulanan antara RM1001 hingga RM2000, diikuti dengan 33.8% yang menerima kurang dari RM1000 sebulan. Hanya 2.7% sahaja yang penerima pendapatan RM5000 ke atas. Purata pendapatan bulanan responden adalah RM1,491.

Kesihatan yang baik adalah prasyarat menentukan kehidupan yang aktif dan produktif. Status kesihatan diteliti dari sudut penilaian subjektif iaitu sama ada status kesihatan adalah sangat baik, baik, tidak pasti, sederhana baik dan kurang baik. Seramai 6.8% responden menyatakan bahawa kesihatan mereka adalah sangat baik, 70.8% mengatakan baik, 18.3% sederhana baik dan hanya 3.4% sahaja responden yang mengatakan kesihatan mereka kurang baik. Ini menunjukkan sebahagian besar responden berpersepsi mereka mempunyai status kesihatan yang baik.

## Orientasi Nilai Kehidupan

Keputusan kajian mengenai orientasi nilai kehidupan akan dibincangkan dalam dua bahagian. Pertama, penemuan secara menyeluruh dan bahagian berikutnya akan meneliti sama ada terdapat perkaitan di antara orientasi nilai kehidupan dengan faktor sosio-demografi terpilih. Kajian ini memberi tumpuan kepada enam nilai terpilih seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2. Secara umumnya hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai orientasi nilai yang positif di mana mereka telah mengamalkan beberapa nilai-nilai yang baik dalam kehidupan. Nilai yang diamalkan adalah nilai kerohanian (76%), nilai berkorban

untuk kepentingan masyarakat (78%), mengutamakan pendapat orang lain (86%), dan berkorban kesenangan hidup masa kini untuk kehidupan masa hadapan (74%). Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian kecil responden yang kurang mengutamakan nilai-nilai tersebut. Ini menunjukkan tidak semua responden telah benar-benar mengamalkan nilai yang dianggap baik dalam kehidupan mereka.

Sejauh manakah pula keprihatinan responden terhadap keadaan masyarakat masa kini? Adakah responden mempunyai nilai keprihatinan terhadap keadaan masyarakat? Ini dapat dilihat pada bilangan responden yang membuat pilihan kepada kenyataan "masyarakat masa kini mempunyai masalah, adalah wajar keadaan masyarakat perlu disusun semula untuk menangani pelbagai masalah yang timbul". Didapati sebanyak 59% responden yang memilih kenyataan tersebut, berbanding 41% yang merasakan keadaan masyarakat adalah baik walaupun pada hakikatnya masyarakat masa kini mempunyai pelbagai masalah. Ini menunjukkan tidak semua responden mengutamakan nilai keprihatinan terhadap masyarakat. Masih terdapat golongan masyarakat yang tidak begitu mengambil berat tentang keadaan masyarakat. Mereka ini mungkin beranggapan bahawa masalah yang wujud dalam masyarakat adalah tanggungjawab pihak-pihak tertentu sahaja untuk menanganinya.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Orientasi Nilai Kehidupan

Bil	Nilai	Bil	%
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerohanian</li> <li>• Material dan ekonomi</li> </ul>	1063	76
		338	24
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengutamakan kepentingan diri</li> <li>• Sanggup berkorban diri untuk kepentingan masyarakat</li> </ul>	309	22
		1092	78
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengutamakan pendapat sendiri daripada orang lain</li> <li>• Mengutamakan pendapat orang lain</li> </ul>	201	14
		1200	86
4.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang memikirkan keadaan masyarakat</li> <li>• Masyarakat perlu disusun semula untuk menangani pelbagai masalah</li> </ul>	571	41
		830	59
5.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih mengutamakan kehidupan masa kini berbanding masa hadapan</li> <li>• Lebih mengutamakan kesenangan untuk kehidupan masa hadapan</li> </ul>	354	25
		1045	74

## **Perbandingan Sosio-demografi**

Ujian *chi square* telah dilakukan untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan pegangan orientasi nilai yang dikaji di kalangan pekerja sektor awam berasaskan faktor sosio-demografi terpilih. Pemboleh ubah bersandar yang diuji adalah beberapa kenyataan yang menggambarkan pegangan nilai murni. Manakala pembolehubah bebas adalah faktor sosio-demografi terpilih iaitu kaum, gender, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan. Perbincangan seterusnya akan hanya dibuat ke atas keputusan ujian yang signifikan pada paras  $p \leq 0.05$  sahaja (Jadual 3 dan Jadual 4).

### *Nilai Kerohanian dan Nilai Material/ Ekonomi*

Keputusan kajian ke atas faktor sosio-demografi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemboleh ubah gender terhadap nilai kerohanian dan nilai material / ekonomi ( $p = 0.001$ ). Kajian mendapati taburan responden yang mempunyai kecenderungan untuk mengutamakan nilai kerohanian adalah lebih tinggi di kalangan wanita berbanding dengan responden lelaki. Di kalangan wanita, 83% yang mengutamakan nilai kerohanian berbanding nilai material (17%), manakala di kalangan responden lelaki 74% yang mengutamakan nilai kerohanian dan 26% mengutamakan nilai material (Jadual 3). Kepentingan yang diletakkan ke atas nilai kerohanian ini amat baik, memandangkan ibu bapa merupakan agen utama proses sosialisasi anak-anak. Di kalangan wanita, pegangan nilai ini bertepatan dengan peranan utamanya sebagai pembimbing utama ahli keluarga.

Perbezaan yang signifikan juga terdapat pada pemboleh ubah kategori tahap pekerjaan ( $p=0.005$ ). Taburan responden yang mengutamakan nilai kerohanian adalah lebih tinggi di kalangan responden yang berada dalam kumpulan C (81%) berbanding responden yang berada di dalam kumpulan A& B (70%) dan D (66%). Ini memberi gambaran bahawa terdapat hampir 30% responden yang cenderung ke arah orientasi nilai material khususnya bagi kategori A/B dan D.

Jadual 3: Analisis Ujian Chi-square\* antara Angkubah Nilai dan Angkubah Sosio-demografi

Angkubah Sosioekonomi	Jenis Nilai (%)	
	Nilai kerohanian	Nilai material/ ekonomi
<b>Gender</b>		
Lelaki	73.9	26.1
Perempuan	83.3	17.7
<b>Kategori Pekerjaan</b>		
A/B	79.3	20.7
C	80.7	19.3
D	67.5	32.5

<b>Etnik</b>		
Melayu	76.8	23.3
Cina	64.4	35.6
India	65.0	35.0
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Sek. Rendah	67.2	32.8
Sek. Menengah	75.8	24.2
Maktab/Diploma	82.4	17.6
Universiti	83.2	16.8
<b>Tahap Pendapatan</b>		
< 1000	69.4	30.6
1001 – 2000	78.2	22.8
2001 – 3000	80.4	19.6
3001 – 4000	80.9	19.1
> 4001	78.4	23.6

\*  $p \leq 0.05$

Dari segi etnik, kajian ini juga mendapat terdapat perbezaan yang jelas dari segi taburan responden yang mengutamakan nilai kerohanian( $p=0.02$ ). Lebih tinggi peratus (77%) responden Melayu yang kuat kepada pegangan nilai kerohanian berbanding responden Cina dan India iaitu masing-masing 64% dan 65% (Jadual 3). Cuma 23% responden Melayu yang cenderung kepada nilai material. Ini berkaitan rapat dengan ajaran agama Islam yang sangat menekankan nilai kerohanian dan cara hidup sederhana dalam kehidupan mereka.

Perbezaan yang signifikan juga terdapat pada boleh ubah taraf pendidikan ( $p=0.002$ ). Taburan responden yang kuat kepada nilai kerohanian adalah lebih rendah di kalangan responden yang berpendidikan sekolah rendah (67%) dibandingkan dengan responden yang berpendidikan sijil atau diploma (82%) dan berpendidikan ijazah universiti (83%). Di kalangan responden yang berpendidikan sekolah menengah, hanya 76 % yang kuat kepada nilai kerohanian berbanding nilai ekonomi. Tahap pendidikan yang lebih tinggi memberi peluang kepada mereka untuk menimba pelbagai ilmu yang secara tidak langsung dapat mengukuhkan nilai kerohanian mereka.

Apabila boleh ubah pendapatan bulanan isi rumah diteliti, kajian mendapat perbezaan taburan responden dari pelbagai kategori pendapatan adalah signifikan( $p=0.004$ ). Di kalangan responden yang berpendapatan bulanan kurang RM 1000, didapati sebanyak 69% yang lebih kuat kepada nilai kerohanian berbanding nilai material (Jadual 3). Bagi responden berpendapatan RM1,001 hingga RM2,000 dan lebih RM 5,000, 78% yang kuat kepada nilai kerohanian. Responden yang berpendapatan RM2,001 hingga RM3,000 dan RM3,001 hingga RM4,000, masing-masing 80% dan 81% yang kuat kepada nilai kerohanian

berbanding nilai material/ ekonomi. Ini menunjukkan semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi nilai kerohanian mereka berbanding nilai material.

*Nilai mementingkan diri sendiri dan sanggup berkorban untuk orang lain*

Hampir kesemua faktor sosio-demografi yang diuji tidak menunjukkan perbezaan nyata terhadap kenyataan yang mengutamakan nilai mementingkan diri sendiri dan nilai sanggup berkorban untuk orang lain. Hanya kategori kumpulan pekerjaan (A/B, C dan D) sahaja didapati mempunyai perbezaan yang signifikan ( $p=0.027$ ) dari segi pegangan nilai mementingkan diri sendiri dan sanggup berkorban untuk orang lain. Kajian mendapat taburan responden yang mengutamakan nilai sanggup berkorban untuk kepentingan orang lain, adalah lebih tinggi di kalangan kumpulan pekerja kategori D (82%) dibandingkan dengan kumpulan pekerja yang lain (Jadual 4). Sebanyak 75% di kalangan kumpulan C dan 78 % di kalangan kumpulan A, mengutamakan nilai sanggup berkorban untuk kepentingan orang lain. Ini juga menunjukkan pekerja kumpulan C lebih ramai yang mengutamakan kepentingan diri sendiri (25%) berbanding kumpulan yang lain. Hanya 18% dari kalangan kumpulan D yang mengutamakan nilai tersebut. Ini menunjukkan mereka dalam kumpulan D lebih bersedia untuk membantu orang lain dalam bentuk masa, tenaga dan lain-lain.

Jadual 4: Analisis Ujian Chi-square\* antara Angkubah Nilai dan Angkubah Sosio-demografi

Angkubah sosioekonomi	Jenis Nilai (%)	
	Kepentingan diri	Kepentingan masyarakat
<b>Kategori Pekerjaan</b>		
A/B	21.4	78.6
C	21.2	78.8
D	18.5	72.5
<b>Utamakan pendapat sendiri</b>		<b>Utamakan pendapat orang lain</b>
<b>Etnik</b>		
Melayu	13.2	86.8
Cina	26.2	73.8
India	28.5	71.5
<b>Umur</b>		
40-44	11.4	88.6
45-49	19.1	80.9
> 50	13.9	83.1

	Kurang prihatin	Prihatin masyarakat
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Sek. Rendah	36.4	63.6
Sek. Men	40.1	59.9
Maktab/Diploma	40.8	59.2
Universiti	54.1	45.9
<b>Orientasi masa kini Orientasi masa hadapan</b>		
<b>Gender</b>		
Lelaki	23.9	76.1
Perempuan	30.6	69.4

\*  $p \leq 0.05$

#### *Nilai mengutamakan pendapat sendiri dan pendapat orang lain*

Hasil kajian mendapati hanya pemboleh ubah etnik dan umur responden sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan kenyataan yang menggambarkan nilai lebih mengutamakan pendapat sendiri atau pendapat orang lain untuk membuat keputusan. Dari segi etnik, didapati responden India lebih ramai (29%) yang mengutamakan pendapat sendiri untuk membuat keputusan berbanding responden Melayu (13%) dan Cina (25%)( $p=0.001$ ) (Jadual 4). Ini menunjukkan responden Melayu lebih ramai (87%), yang mengutamakan pendapat orang lain dalam membuat keputusan berbanding etnik Cina dan India. Secara tidak langsung menunjukkan etnik Melayu lebih berfikiran terbuka, menerima pendapat orang lain dan bertolak ansur dalam hubungan mereka dengan orang lain.

Bila diteliti pemboleh ubah umur, hasil kajian mendapati responden yang berumur di antara 40 – 44 tahun lebih ramai (89%) yang mengutamakan pendapat orang lain, berbanding responden di dalam kumpulan yang lain iaitu antara 45-49 tahun (80%) dan berumur lebih 50 tahun (87%)( $p=0.001$ ). Ini menunjukkan responden yang lebih muda lebih cenderung mengambil kira pendapat orang lain daripada responden yang lebih berumur.

#### *Nilai mengutamakan kehidupan masa kini dan berkorban untuk masa hadapan*

Hampir kesemua faktor sosio-demografi yang diuji tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap kenyataan yang menggambarkan nilai kepentingan kehidupan masa kini atau berkorban sekarang untuk kepentingan hidup masa hadapan. Hanya pemboleh ubah gender sahaja menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi pegangan nilai mengutamakan kehidupan masa kini dan berkorban untuk masa hadapan ( $p=0.021$ ). Analisis kajian mendapati responden lelaki lebih ramai (76%) yang sanggup berkorban kegembiraan hidup masa kini demi masa hadapan dibandingkan dengan responden wanita (30%) (Jadual 4). Sebaliknya 70 peratus responden wanita yang lebih suka menikmati dan memperkayakan kehidupan masa kini daripada memikirkan tentang masa

hadapan. Ini menunjukkan responden wanita lebih memberi penekanan kepada kehidupan semasa daripada masa hadapan.

*Nilai utamakan kepentingan masyarakat dan tidak prihatin terhadap keadaan masyarakat*

Analisis kajian mendapati hanya faktor taraf pendidikan sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p=0.021$ ) terhadap orientasi nilai yang mengutamakan kepentingan terhadap keadaan masyarakat. Responden yang berpendidikan sekolah rendah lebih ramai (64%) yang mempunyai nilai prihatin terhadap keadaan masyarakat, berbanding dengan responden yang berpendidikan sekolah menengah (59%), maktab (58%) dan berpendidikan ijazah universiti (45%) (Jadual 4). Ini boleh menunjukkan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi masih ramai yang tidak begitu mengutamakan nilai keprihatinan terhadap keadaan masyarakat. Golongan berpendidikan rendah lebih prihatin dan peka terhadap aspek sosial dan persekitaran mereka. Seperti yang diketahui semua lapisan masyarakat sememangnya sedar wujudnya pelbagai masalah dalam masyarakat. Oleh itu sekiranya masyarakat sendiri tidak menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan, sudah pasti keadaan masyarakat akan terus dibelenggu oleh masalah yang dihadapi masa kini. Terdapat juga di kalangan masyarakat yang bergantung kepada pihak tertentu seperti kerajaan, badan agama dan badan bukan kerajaan dalam menjaga kepentingan masyarakat. Akibatnya, mereka tidak menyedari kepentingan peranan mereka dalam membantu masyarakat.

### **Persepsi terhadap Pekerjaan**

Bahagian ini membincangkan persepsi responden terhadap pekerjaan sekarang (Jadual 5). Responden telah ditanya berkaitan tahap persetujuan sama ada mereka setuju, tidak setuju atau tidak pasti terhadap empat soalan berkaitan persepsi ke atas pekerjaan. Semua soalan ini berbentuk positif. Markah 2 diberikan kepada jawapan ‘setuju,’ 1 untuk ‘tidak setuju’ dan 0 kepada ‘tidak pasti’. Bagi soalan pertama yang berkaitan dengan ‘saya seronok bekerja’, seramai 91.2% mengatakan bersetuju, 2.1% mengatakan tidak setuju dan 6.7% mengatakan tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden seronok atau gembira dengan pekerjaan mereka. Soalan kedua yang berkaitan dengan ‘saya sangat bergantung kepada pekerjaan’, seramai 41.2% mengatakan setuju, 34.7% mengatakan tidak setuju dan 23.7% mengatakan tidak pasti. Ini menunjukkan kurang daripada separuh responden yang sangat bergantung kepada pekerjaan mereka. Berkaitan dengan kenyataan bekerja mengelakkan saya daripada berasa bosan, majoriti bersetuju (71.5%) diikuti dengan 22.2% mengatakan tidak setuju dan 6.1% mengatakan tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden berpendapat bekerja dapat mengelakkan diri mereka daripada rasa bosan. Bagi kenyataan ‘kerja saya adalah penting dan bernilai kepada orang lain’, seramai 85.4% mengatakan setuju, 8.8% mengatakan tidak pasti dan 5.6% mengatakan tidak setuju. Ini menunjukkan majoriti responden merasakan sumbangan mereka adalah penting untuk memberi khidmat kepada orang ramai.

Jadual 5: Persepsi Responden Terhadap Pekerjaan

Pernyataan	Tahap Persetujuan (%)		
	Sangat setuju	Tidak setuju	Tak pasti
Saya seronok bekerja	91.2	2.1	6.7
Saya sangat bergantung kepada pekerjaan	41.2	34.7	23.7
Bekerja mengelakkan saya daripada berasa bosan	71.5	22.2	6.1
Kerja saya sangat penting dan bernilai kepada orang lain	85.4	8.8	5.6

Skor untuk empat soalan ini kemudiannya dijumlahkan dan didapati hanya 17.5% responden mendapat markah rendah (4 markah ke bawah) sebaliknya 82.5% mendapat markah tinggi (5 markah ke atas). Purata markah adalah 6.2 mata. Ini menunjukkan sebahagian besar responden mendapat skor yang tinggi yang memaparkan mereka mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pekerjaan mereka. Persepsi individu terhadap sesuatu pilihan yang dibuat dalam kehidupan mereka boleh dipengaruhi oleh pegangan atau orientasi nilai kehidupan masing-masing. Pegangan nilai dapat dijelaskan lagi melalui kepentingan dan keutamaan yang diberikan ke atas sesuatu pilihan. Bahagian berikutnya akan meneliti orientasi nilai kehidupan responden.

## KESIMPULAN

Responden kajian ini mempunyai nilai sosial, moral dan personal yang sangat tinggi. Nilai material dan kepentingan diri tidak diutamakan dalam kehidupan mereka. Ini menunjukkan kebanyakkan kakitangan sektor awam mengamalkan nilai murni yang menjadi teras perkhidmatan awam di Malaysia. Perbandingan dari segi ciri-ciri sosio-ekonomi menunjukkan gender, etnik, tahap pendapatan, kategori pekerjaan dan pendidikan mempunyai pengaruh yang berbeza ke atas orientasi nilai kehidupan responden. Taburan responden yang mengutamakan nilai kerohanian adalah lebih tinggi di kalangan wanita, etnik Melayu, mempunyai pendapatan dan berpendidikan yang tinggi berbanding kumpulan yang lain.

Amalan nilai sosial yang jelas menyumbang kepada keyakinan dalam membuat keputusan dan tindakan dalam kerjaya dan kehidupan keluarga mereka. Penghayatan nilai dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh kakitangan awam ini akan mempengaruhi kualiti kerja mereka dalam menyumbang kepada kesejahteraan hidup keluarga dan masyarakat amnya ke arah merealisasikan pencapaian Wawasan 2020. Keputusan ini juga selaras dengan orientasi nilai yang mengutamakan nilai sanggup berkorban kesenangan masa kini demi keceriaan masa hadapan.

## RUJUKAN

- Baumeister, R..F (1991). *The Meaning of Life*. New York: Juilford.
- Battista, J. dan Almond, R (1973). The Development of Meaning of Life. *Psychiatry*. 36. 409-427.
- Debats, D,L (1999). Sources of Meaning: An Investigation of Significant Commitment in Life. *Journal of Humenistic Psychology*. 39. 30-57
- Deacon dan Firebaugh (1988). *Family Resource Management: Principle and Application*. New York : Allon Bacon.
- Dio, Lina D., C.Saragovi, R. Koestner, J. Aube (1996). Linking personal values to gender. *Journal of Personality*. 63, 879-904.
- Feather, N. T (1975). *Values in Education and Society*. New York: Macmillan
- Kluckhohn, Florance R. dan F.L Stottbeck (1961). *Variations in Value Orientation*. Evanston III: Row Peterson.
- Komin, Suntaree (1990). Culture anda Work related Values in Thai Organizations. *International Journal of Psychology* 25. 681-704.
- Mohd Kamal Hassan (1983). *Nilai-nilai universal Islam tentang kesejahteraan masyarakat*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Sehari Mengenai Islam dan Kebudayaan. Kuala Lumpur.
- Pongsapich, A, M. Shinizaki, and N. Bunjongjit (1993). *A Study of Family Consciousness in Contemporary Thailan with Comparison among Bangkok, Soeul and Fukuoka*. Japan. Yoshimi Kohsan Corporation.
- Rokeach, M (1968). *Beliefs, Attitudes and Values. A Theory of Organization and Change*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Rokeach, M (1973). *The Nature of Human Values*. New York: The Free Press.
- Schwartz, S.H. and W. Bilsky (1987). Toward a Universal Content and Structure of Values. *Journal of Personality and Social Psychology*. 58, 878-891.
- Spranger, E.(1996). *Types of Men: The Psychology and Ethnics or Personality*. New York: Johnson.
- Van Lange, P. A.M., dan Liebrand, W.B.G (1991). Social Value Orientation and Intelligence: A Test of the Goal Prescribe Rasionality Principle. *European Journal of Social Psychology*, 21, 273-292.

Zainal Kling (2004). Nilai dan Masyarakat. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Nilai dan Pembangunan Sosial: Ke arah Pemantapan Dasar Sosial Negara (DSN). Kuala Lumpur.